

Headline	TNB sinari kehidupan warga Malaysia sejak sebelum merdeka		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	31 Aug 2015	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	28
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	742 cm ²		
PR Value	RM 44,400		



TNB sinari kehidupan warga Malaysia sejak sebelum merdeka

SEJAK sekian lama Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyinari kehidupan jutaan rakyat Malaysia, malah menjadi pemangkin transformasi negara daripada era tradisional sehingga berada di ambang sebuah negara maju.

Sebelum merdeka lagi, seawal tahun 1949 dengan nama Lembaga Letrik Pusat (CEB), telah menjadi 'Penggerak Kemajuan Negara' menukar wajah desa menjadi pekan, bandar menjadi bandaraya dan kota metropolitan yang bergemerlapan.

Patah kalam seandainya mahu menceritakan segala sumbangan itu, namun lipatan sejarah negara membuktikan CEB berkembang menjadi Lembaga Letrik Negara (LLN) dan kini sebagai TNB yang memikul amanah lebih besar dalam menempa kemajuan negara.

Diperkuatkan dengan lebih 36,000 tenaga kerja, TNB siap siaga di seluruh Semenanjung dan Sabah dalam memastikan grid nasional memenuhi keperluan di setiap ceruk rantaui untuk membolehkan rakyat meninggalkan era pelita minyak tanah.

Dalam tempoh 66 tahun itu, TNB bukan sahaja sudah memastikan 99.8 peratus penduduk Semenanjung menikmati pencahayaannya, malah melepas pencapaian utiliti elektrik kelas dunia dari segi kelancaran penghantaran dan gangguan bekalan yang minimum.

Kestabilan bekalan itu mendorong pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelabur serta membolehkan prasara strategik seperti pelabuhan dan lapangan terbang dapat memberikan perkhidmatan berdaya maju.

TNB adalah antara entiti terawal memastikan kelancaran pembangunan di setiap pusat pertumbuhan, taman perindustrian dan taman-taman perumahan dan memastikan lebih 8.6 juta pelanggan sentiasa mendapat perkhidmatan terbaik.

Kerancakan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara itu yang turut disumbangkan TNB menerusi kecekapan perkhidmatan telah mencetuskan pelbagai peluang perniagaan, pekerjaan dan mengubah gaya hidup rakyat ke arah lebih moden.

Dalam keadaan cuaca dan situasi apa sekalipun, warga kerja TNB sentiasa berada dalam keadaan siap sedia memberikan perkhidmatan

kerana pembekalan tenaga adalah keperluan 24 jam dalam kehidupan sehari-hari, bersesuaian dengan aspirasinya *Better. Brighter.*

Demi kelangsungan amanah dan tanggungjawabnya terhadap keséjahteraan rakyat dan kemajuan negara, TNB sedang menyiapkan pembinaan lima buah stesen jana elektrik yang bakal menjamin bekalan mencukupi pada masa depan.

Ketika ini, kapasiti terpasang TNB adalah sebanyak 8,636 Megawatt (MW) dijana oleh sembilan buah stesen jana elektrik terdiri daripada thermal dan hidro.

Sambil memastikan kemantapan perkhidmatannya kepada rakyat Malaysia, TNB mengorak langkah melebarkan sayapnya ke beberapa buah negara termasuk Indonesia, Brunei, Pakistan, Arab Saudi dan India sejajar matlamatnya ke arah menjadi *Regional Champion*.

Hari ini, TNB juga terlibat dalam pelbagai aktiviti berkaitan dengan industri tenaga termasuk tenaga boleh diperbaharui selain menjadi antara pemacu pembangunan usahawan menerusi program pembangunan vendor sejak tahun 1993.

Melalui syarikat subsidiarinya, TNB mengeluarkan alat ubah, perkakas suis bervoltan tinggi dan kabel, perkhidmatan perunding profesional, perkhidmatan kejuruteraan awam dan elektrik, penyenggaraan dan pemberaan kerosakan dan juga penyelidikan dan pembangunan, pembangunan harta tanah dan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan projek.

Bagi memastikan syarikat terus menyediakan perkhidmatan cemerlang dan menyokong visi strategik kepimpinan global, pembangunan kepemimpinan di semua peringkat dan kompetensi warga kerja TNB dipertingkatkan secara berterusan menerusi program-program tersusun melalui *Leadership Development Center (LDC)* dan *TNB Integrated Learning Solutions (ILSAS)*.

Dalam pembangunan modal insan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) ditubuh untuk melahirkan individu-individu yang berbakat dalam pelbagai bidang manakala Yayasan Tenaga Nasional (YTN) untuk penganugerahan biasiswa dan bantuan kewangan.

TNB juga tidak mengabaikan tanggungjawab korporatnya dalam pendidikan, komuniti, alam sekitar dan sukan.

Program PINTAR dilancarkan bagi membantu murid-murid sekolah rendah luar bandar meningkatkan prestasi akademik.

TNB turut mendidik generasi baharu mengenai penggunaan tenaga secara selamat dan cekap melalui Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik dan Kecekapan Tenaga.

Selain itu, TNB juga terlibat dalam membantu membina atau membaik pulih kediarian rakyat yang memerlukan menerusi Projek Baiti Jannati dan Projek Mesra Rakyat.

TNB juga menitikberatkan perhubungan komuniti demi memastikan masyarakat umum mendapat faedah dan manfaat se-wajarnya daripada usaha-usaha yang dilaksanakan, termasuk memindahkan komuniti orang asli ke kawasan penempatan lebih selesa dan selamat serta membekalkan kemudahan tenaga solar.

Sehubungan itu, ia juga tidak ketinggalan dalam menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar dengan inisiatif menanam pokok termasuk di taman-taman awam, konservasi kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor.

Malah, TNB bukan sahaja memastikan stesen-stesennya meminimumkan kesan kepada alam sekitar, bahkan berusaha mengekalkan ekosistem setempat seperti memulihara bakau di sekitar Stesen Jana kuasa Sultan Azlan Shah, Manjung yang memenuhi piawaian ISO.

Selain itu, TNB juga sinonim dengan sukan hoki atas sumbangannya yang sangat besar sejak tahun 1970-an lagi termasuk melahirkan ramai pemain negara bertaraf dunia.

Semua itu, memahatkan bahwa TNB adalah antara peneraju kemajuan negara dan penyumbang kesejahteraan rakyat.




Dalam tempoh 66 tahun itu, TNB bukan sahaja sudah memastikan 99.8 peratus penduduk Semenanjung menikmati

Headline	TNB sinari kehidupan warga Malaysia sejak sebelum merdeka		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Aug 2015	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	28
ArticleSize	742 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 44,400		

pencahayaannya, malah melepassi pencapaian utiliti elektrik kelas dunia

dari segi kelancaran penghantaran dan

gangguan bekalan yang minimum.



Headline	TNB sinari kehidupan warga Malaysia sejak sebelum merdeka		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Aug 2015	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	28
ArticleSize	742 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 44,400		

